

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN :

YB Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan menangani isu Perlarian Rohingya.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak mengiktiraf status pelarian dan pemohon suaka memandangkan Malaysia bukan Negara Pihak kepada Konvensyen Status Pelarian 1951 atau Protokol Status Pelarian 1967. Walau bagaimanapun, Kerajaan atas dasar kemanusiaan membenarkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memegang kad UNHCR tinggal sementara di negara ini sehingga dihantar pulang ke negara asal atau ke negara ketiga. Dasar sedia ada ini juga adalah terpakai kepada PATI etnik Rohingya dari Myanmar yang memegang kad UNHCR yang sah. Isu mengenai pelarian etnik Rohingya ini merupakan isu sejagat yang memerlukan bantuan dan sokongan masyarakat antarabangsa dan bukan tanggungjawab Malaysia semata-mata.

Dalam hubungan ini, UNHCR sebagai badan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang memberikan perlindungan dan mengeluarkan kad UNHCR kepada etnik Rohingya Myanmar bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan, kehidupan harian, kesihatan, pendidikan dan sebagainya kepada pelarian yang tinggal sementara di Malaysia selaras dengan perundangan dan peraturan yang berkuatkuasa.

Kerajaan sentiasa menggesa UNHCR untuk mempercepatkan proses penghantaran pulang pelarian ini ke negara asal atau ke negara ketiga khususnya dari Myanmar kerana ia menimbulkan pelbagai masalah dari

segi ekonomi, sosial, ketenteraman awam dan keselamatan negara. Dalam hal ini, Kerajaan Myanmar memainkan peranan penting dalam mewujudkan keamanan dan keselamatan di Rakhine State, Myanmar bagi memastikan etnik Rohingya Myanmar ini dapat pulang semula ke negara asal mereka.

Sekian. Terima kasih.